

TEKS UCAPAN

**PROFESSOR DR MOHAMED IBRAHIM
ABDUL MUTALIB**

NAIB CANSELOR

MAJLIS KONVOKESYEN KE 18

**AHAD, 18 NOVEMBER 2018
DEWAN CANSELOR, UTP**

(SESI PAGI)

Bismillahirrahmanirrahim

**Yang Berbahagia Datuk Ahmad Nizam Salleh
Pro Canselor Universiti Teknologi PETRONAS
Dan Yang Berbahagia Datin Zainab Jaafar**

**Yang Berbahagia Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin
Pro Canselor Universiti Teknologi PETRONAS
Dan Yang Berbahagia Puan Sri Dr Azura Ahmad Tajuddin**

**Yang Berbahagia Dato' Raiha Azni Abdul Rahman
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti,
Naib-Naib Canselor dan Wakil-Wakil Universiti dari Malaysia,
Filipina, Indonesia, dan Brunei,
Ahli-Ahli Senat dan Pengurusan UTP,**

Tetamu-Tetamu jemputan, wakil-wakil industri, para ibu-bapa, tuan-tuan dan puan-puan serta para graduan yang diraikan.

Assalamua'aikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama-sama berkumpul di Dewan Canselor Universiti Teknologi PETRONAS pada pagi yang mulia ini bagi meraikan kejayaan para graduan di Majlis Konvokesyen UTP kali yang ke 18.

Bagi pihak UTP, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Datuk Ahmad Nizam Salleh yang akan dimasyhurkan sebagai Pro Canselor UTP sebentar nanti.

Pada Majlis Konvokesyen ke 18 ini, kita akan menyaksikan seramai seribu enam ratus lima puluh sembilan (1659) graduan dianugerahkan ijazah mereka masing-masing, di mana seribu tiga ratus tujuh puluh lima (1,375) orang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda. Usaha berterusan bagi menambahbaik proses pembelajaran yang dilalui oleh pelajar-pelajar UTP terbukti berkesan apabila peratusan graduan Ijazah Sarjana Muda yang mencapai Kepujian Kelas Pertama dan Kelas Kedua Atas kekal sebanyak tujuh puluh peratus (70%).

Dari jumlah graduan tadi, seratus tiga puluh tiga (133) orang adalah graduan Ijazah Sarjana manakala seratus lima puluh satu (151) orang adalah graduan Ijazah Doktor Falsafah. Jumlah ini adalah jumlah graduan Ijazah Doktor Falsafah yang paling tinggi pernah dihasilkan oleh UTP!

Manakala, dua puluh satu peratus (21%) graduan tahun ini merupakan pelajar antarabangsa yang berasal daripada tiga puluh lapan (38) buah negara. Ini juga merupakan satu rekod baru bagi UTP kerana menghasilkan graduan dari jumlah negara tertinggi setakat ini!

Tahniah saya ucapkan kepada graduan UTP 2018!!

**Yang Berbahagia Datuk Pro Canselor dan Tan Sri Pro Canselor
Para graduan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Tahun 2018 telah menyaksikan sekali lagi kecemerlangan UTP di peringkat global.

Sejak penyertaan pertama UTP di *QS Asia University Ranking* pada tahun 2013, prestasi UTP telah meningkat dengan begitu cemerlang. Bagi tahun ini, UTP telah mencapai kedudukan ke sembilan puluh sembilan (99), iaitu peningkatan sebanyak sembilan puluh dua (92) kedudukan dalam tempoh 6 tahun. UTP kini merupakan satu-satunya universiti swasta dari Malaysia yang telah tersenarai di kedudukan antara 100 universiti terbaik di rantau Asia!

Prestasi UTP juga turut menyerlah di dalam *QS World University Ranking* 2018 di mana UTP kini berada di kedudukan antara 521 dan 530 universiti dunia. Berbanding tahun 2017, ini merupakan pengingkatan sebanyak lapan puluh (80) kedudukan!

Begitu juga bagi *QS Top 50 Under 50 World University Ranking 2018* di mana prestasi UTP telah meningkat ke kedudukan antara 71 dan 80 bagi universiti yang berusia kurang dari lima puluh (50) tahun. UTP merupakan universiti termuda dari Malaysia yang diberi pengiktirafan tersebut. Bagi *Times Higher Education Young University Rankings 2018* pula, UTP selesa di kedudukan antara 150 hingga 200. Pencapaian yang konsisten ini memberi maksud bahawa UTP telah berjaya menempatkan dirinya di antara universiti terbaik dunia walaupun usianya kurang dari lima puluh (50) tahun.

Sebenarnya, dua puluh satu (21) tahun penubuhan UTP bukanlah merupakan satu tempoh yang panjang namun atas usaha yang berterusan serta sokongan yang padu dari PETRONAS, UTP telah berjaya mencapai pelbagai bentuk kejayaan dan kecemerlangan. Sesungguhnya, segala pencapaian yang dikehendaki UTP selama ini merupakan hasil dari penerapan budaya kerja cemerlang melalui perlaksanaan *PETRONAS Cultural Beliefs* di mana segala gerak kerja yang dilakukan adalah menjurus kepada *Results Matter* dengan memberi penumpuan kepada *Focused Execution* dalam segala perancangan kerja.

**Yang Berbahagia Datuk Pro Canselor dan Tan Sri Pro Canselor
Para graduan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

UTP terus berbangga dengan kejayaan hampir 90% graduannya mendapatkan pekerjaan dalam tempoh enam (6) bulan sebaik sahaja menamatkan pengajian.

Misi universiti untuk melahirkan graduan serbaboleh menjadi pemangkin kepada kebolehpasaran graduan UTP kerana UTP bukan sahaja memberi penekanan terhadap keupayaan teknikal tetapi juga ciri-ciri lain seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran berkomunikasi.

Penekanan terhadap pembelajaran secara aktif dan berasaskan teknologi (seperti *active and blended learning* dan *flipped classroom*) telah membantu menjadikan pengalaman pembelajaran yang dilalui oleh pelajar UTP lebih bermakna.

Manakala penglibatan aktif para pelajar dalam pelbagai aktiviti kebudayaan, kesenian, sukan dan khidmat masyarakat pula telah dapat meningkatkan daya saing, keyakinan diri, keupayaan berinteraksi serta sifat toleransi antara satu sama lain. Antara kejayaan yang dicapai oleh para pelajar UTP pada tahun 2018 termasuklah:

- **Johan di Business Plan Competition And Global Business Champion Sales Star Competition, China**
- **Pemenang Khazanah Nasional Entrepreneurship Outreach**
- **Tempat Pertama, Best Student Chapter Worldwide di EAGE Annual Conference, Copenhagen, Denmark**
- **Johan Debat Piala Orator, Kediaman Tun Fuad, Sabah dan**
- **Tempat kedua di the Street Dance Parade Competition dan tempat ketiga di International Folk Dance Competition, Cheonan International World Dance Festival**

Red Sonata International Fiesta 2018 pula telah mencipta rekod dalam **The Malaysia Book Of Records** di bawah kategori Kejohanan Seni dan Musik Cina dengan penyertaan paling ramai iaitu Lima Ribu Lapan Belas (5018) peserta.

Di bidang R&D pula, UTP terus mengorak langkah untuk memperkasakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dengan tertubuhnya enam Institut Penyelidikan di dalam bidang-bidang niche, dan seperti tahun-tahun yang dahulu, lebih dari 90% ahli akademik UTP telah mendapat dana penyelidikan dari pelbagai agensi dan dilantik sebagai Penyelidik Utama (*Principal Investigator*).

UTP juga turut giat menjalankan kolaborasi dan usahasama dengan pelbagai institusi dan universiti di dalam dan luar negara terutamanya di negara-negara Asia seperti Filipina, Indonesia dan Brunei bagi memperkasakan lagi proses pembelajaran dan pengajaran di UTP, seterusnya menyumbang ke arah pembangunan sumber manusia, dan juga penyelidikan dan pembangunan.

Yayasan UTP
dan Zakat

**Yang Berbahagia Datuk Pro Canselor dan Tan Sri Pro Canselor
Para graduan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, UTP tidak terkecuali dari diasak dengan pelbagai cabaran dan dugaan yang memberi kesan yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran di universiti. Oleh yang demikian, bagi memastikan kesinambungan akses kepada pendidikan yang berkualiti, UTP menyediakan pelbagai bantuan kewangan melalui penubuhan Yayasan UTP and Tabung Amanah Zakat UTP.

Melalui Majlis Konvokesyen ke 18 ini, Yayasan UTP telah menganjurkan aktiviti mengumpul dana seperti *Convo Ride*, *Convo CSR*, *Convo Award Night* dan *Convo Exhibition* dengan jumlah kutipan hampir Dua Ratus Ribu Ringgit (RM200,000).

Sejak penubuhannya, Yayasan UTP telah membelanjakan hampir Enam Perpuluhan Tujuh Juta Ringgit (RM6.7 juta) untuk memberi bantuan kewangan kepada lebih seribu (1000) orang pelajar yang memerlukan dan memberi biasiswa penuh berjumlah lebih Dua Puluh Sembilan Juta Ringgit (RM29 juta) kepada seratus tujuh puluh enam (176) orang pelajar.

Yayasan UTP turut menyokong aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan sahsiah pelajar dengan memberi sumbangan berjumlah lebih Dua Perpuluhan Lima Juta Ringgit (RM 2.5 juta).

Tabung Amanah Zakat UTP juga turut aktif mengadakan kempen galakan bayaran zakat melalui UTP yang merupakan amil institusi. Pada tahun 2018 sahaja, lebih Empat Juta Ringgit (RM4,000,000) yang dikumpulkan melalui bayaran zakat telah diagihkan kepada Seribu Tiga Ratus Empat Puluh Dua (1,342) pelajar yang layak menerima bantuan, di mana hampir 90% mereka adalah dari golongan bawah (B40).

Pada awal tahun ini juga, Tabung Amanah Zakat UTP telah memulakan satu Program Khas B40. Melalui program khas ini seramai 120 orang pelajar dari golongan B40 telah memulakan pengajian Asasi kejuruteraan dan teknologi dengan tajaan penuh. Bantuan tajaan ini merangkumi yuran pengajian, yuran hostel, yuran tahunan serta insuran dan elaun bulanan. Jumlah yang diagihkan untuk program khas ini adalah Dua Juta ringgit (RM2 juta).

Advice to the
graduates

**Yang Berbahagia Datuk Pro Canselor dan Tan Sri Pro Canselor
Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Please allow me to now address the graduating class of 2018.

My dear students - Congratulations to all of you!

You are now part of the seventeen thousand five hundred and twenty nine (17,529) alumni that the university has produced since 2001. The university is truly proud of you and what you have achieved, and we join your parents and loved ones in celebrating this special occasion.

After years of determination, persistence and perseverance, you have reached an important milestone in life. But as Confucius has aptly said, “A journey of a thousand miles begins with a single step.” Remember that as this chapter of your life closes, a new one will begin. So, while today you have crossed an important finishing line, your running towards a more meaningful life in your career, in actual fact, has only just begun.

Remember that you have developed essential attributes at this university that will prepare you for more successes in life.

I would like to take this opportunity to remind all of you, my beloved students, that wherever you go, and whatever you do, always remember to stay humble. Whatever mind and talent you think you are born with, be humble enough to know that you do not, and cannot, know everything. So keep learning. Keep searching.

As you enter the working environment and later advance in your careers, you will encounter different challenges. Don’t despair, stand tall and strive to overcome all the obstacles with dignity and humility. And most importantly, have empathy. Each time you celebrate a success, pair your humility with an understanding of the pain and disappointment of those less fortunate than you. It will definitely make a you a much better person in many, many ways.

Prophet Muhammad s.a.w. has said, “The most beloved people to Allah are those who are most beneficial to the people”. So, find ways to bring benefit to the people around you.

And please, never lose sight of your roots. Where you came from. So, always remember the sacrifices that your parents have made to get you to where you are today. Remember, that each little thing that your parents have done for you is a stair that you climb to reach the platform where you now stand. Always remember that and thank your parents everyday.

Kepada ibu bapa yang turut meraikan kejayaan anak-anak mereka hari ini,

Saya pasti hari ini merupakan hari yang amat menggembirakan. Gembira kerana hasrat anda untuk melihat anak-anak anda berjaya menggenggam segulung ijazah telah menjadi kenyataan. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada para ibu bapa kerana sentiasa bersedia untuk berkorban tenaga dan wang ringgit bagi memastikan anak-anak anda dapat melanjutkan pelajaran, memperolehi segulung ijazah, dan meneruskan kehidupan dengan bekalan ilmu yang diperlukan.

Bagi pihak UTP, kami turut berbesar hati kerana dapat membantu merealisasikan hasrat tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Sesungguhnya, kejayaan para graduan adalah kejayaan kita semua.

**Yang Berbahagia Datuk Pro Canselor dan Tan Sri Pro Canselor
Para graduan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Sebagai penutup, bagi pihak universiti, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg Tun Canselor, YBhg Datuk Pro Canselor, Tan Sri Pro Canselor, Pengurusan PETRONAS dan Lembaga Pengarah UTP atas sokongan, bimbingan dan inspirasi kepada semua kami di UTP.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua warga kerja universiti kerana segala pencapaian UTP sehingga kini, tidak dapat dicapai tanpa kesetiaan, komitmen dan dedikasi anda. Sikap *Own It* yang tinggi dalam melaksanakan tugas serta sikap berlapang dada melalui *Tell Me* menjadi tunggak untuk UTP merealisasikan *Shared Success* untuk universiti yang kita cintai ini.

Tidak dilupakan juga, semua rakan industri dan universiti – yang datang dari serata Malaysia, juga Filipina, Indonesia dan Brunei - terima kasih di atas segala sumbangan anda terhadap UTP.

Akhir sekali, terima kasih semua yang telah bekerja keras bagi memastikan kejayaan majlis Konvokesyen UTP kali ke 18 ini.

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**